



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 13 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• ADN: SOKONG USAHA ANJUR SUKMA 2026, NAIK TARAF KEMUDAHAN SUKAN DI SERI SERDANG • MURAL CERIAKAN HARI TANPA KENDERAAN • 244 LOKASI DI 12 PBT SEDIA 15,800 PETAK BAZAR – MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (1,367) PETAK

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBPJ MBSA MPAJ MPKS	• JAYA KEMPEN BEBAS BEG PLASTIK • PERKESO LINDUNGI PENIAGA BAZAR • MANFAAT 200,000 PENDUDUK SETIA ALAM RM150 JUTA ATASI MASALAH BANJIR KILAT • TAMAN KUCING TARIK 1,500 PENGUNJUNG • KUMPUL 2.5 TAN SISA KITAR SEMULA • KAUNTER PANDU LALU BAYAR CUKAI • SITA KENDERAAN, KELUAR KOMPAUN TANGANI ISU SAMPAH, TAMBAKAN HARAM
2.	THE STAR	MBDK MBPJ MBSA MPKS	• MBDK TO BUILD DOG SHELTER KLANG MAYOR: PULAU INDAH CENTRE TO FACILITATE NEUTERING, ADOPTIONS • S'GOR REFINING GUIDELINES AS CARE CENTRE DEMAND RISES • PJ A FRIENDLY CITY FOR ALL AGES • DAY FOR BUSKERS • ASSESSMENT TAX • ROYAL LOVE FOR SHAH ALAM CAT PARK • PETANQUE CHAMPIONSHIP

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• CLEAN SELANGOR • AIR SELANGOR'S COMMITMENT TO SUSTAINABLE WATER INTACT • WEAK VAPE LAWS ALLOW EASY ACCESS FOR MINORS, SAY GROUPS
2.	SINAR HARIAN	• AKTA KONRAK: TEMPOH 18 BULAN UNTUK JAWATANKUASA SEMAKAN • TAK BOLEH TUBUH ANAK SYARIKAT – PM • SESI PENDENGARAN AWAM PERTAMA PAC • AMBIL KIRA ADUAN, LAPORAN AUDIT RASUAH • KEPERITAN RAKYAT AKIBAT RASUAH • PM MAHU IPAYMENT DIPERLUAS AWAL MAC • PATI SEMBUNYI ATAS SILING, TANGKI AIR ELAK DICEKUP
3.	KOSMO	• ADA PEMILIK SEWAKAN RUMAH PPR • HARGA TIKET BAS EKSPRES TIDAK BOLEH NAIK LEBIH 10% SURCAJ • RAKYAT MALAYSIA BAKAL BERPUASA DALAM CUACA PANAS, KERING
4.	HARIAN METRO	• KWSP TOLAK DAKWAAN SALAH LAKU • KELUAR AKAUN 3 UNTUK AKTIVITI MEWAH

BIL	AKHBAR	TAJUK
5.	BERITA HARIAN	• CUEPACS PERSOAL KONTRAK 30,000 PEKERJA TIADA SPM TAK DISAMBUNG • USAHA BANTERAS PENIPUAN PINJAMAN KEWANGAN PERLU STRATEGI KREATIF • 7 PEGAWAI BANK DIPECAT BULAN LALU • RAWATN PERCUMA INISIATIF PERKESO BELA PENCARUM
6.	UTUSAN MALAYSIA	• PERANA PERPUSTAKAAN TIDAK KETINGGALAN DI ERA TEKNOLOGI
7.	NEW STRAITS TIMES	• OBESITY IS NOT ALWAYS A DISEASE

ADN SELANGOR

ADN: Sokong usaha anjur SUKMA 2026, naik taraf kemudahan sukan di Seri Serdang

© Februari 12, 2025 12:20 pm



Ahli Dewan Negeri Seri Serdang Abbas Azmi yang juga Timbalan Pengerusi Lembaga Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor ditemui selepas sidang media Kejohanan Selangor Future Cup di pusat beli-belah AEON Shah Alam pada 6 Februari 2024. Foto Facebook Abbas Azmi

SHAH ALAM, 12 FEB: Ahli Dewan Negeri Seri Serdang menumpukan usaha menyelenggara dewan dan gelanggang sedia ada menjelang Sukan Malaysia (SUKMA) 2026 tahun depan.

Wakil rakyatnya Abbas Azmi berkata Seri Serdang memiliki beberapa kemudahan sukan yang sesuai untuk mengunjurkan temasya dwitahunan tersebut termasuk untuk acara dalam dewan.

"Sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor, usaha telah dimulakan dengan perasmian padang bola sintetik di Bukit Puchong minggu lepas.

"Kini saya sedang melobi kepada pihak MSN Selangor untuk menjadikan Seri Serdang sebagai salah satu gelanggang SUKMA 2026. Dewan serba guna MBSJ sesuai digunakan untuk kejohanan dalam dewan," katanya kepada Media Selangor.

Kali terakhir Selangor menjadi tuan rumah sukan berprestij itu pada 1998.

Dato' Menteri Besar Dato' Sri Amirudin berkata pentadbiran menganggar kos lebih RM150 juta diperuntuk bagi mengunjur temasya SUKMA kali ini selain penggunaan 90 peratus infrastruktur di Selangor.

Ditanya mengenai harapan pada tahun ini, Abbas mahu seluruh pihak terus menyokong terhadap dasar-dasar yang dirangka Kerajaan Negeri untuk mengukuhkan ekonomi dan memelihara kebajikan rakyat.

"Selain itu, saya berharap rakyat berfikir matang dalam menilai sebarang isu dengan waras. Kita bukan sahaja mahu maju dari segi infrastruktur serta ekonomi tetapi kita mahu juga ke hadapan tahap pemikiran," ujarnya.

SELANGORKINI ONLINE
TARIKH: 13 FEBRUARI 2025

Mural ceriakan Hari Tanpa Kenderaan

SHAH ALAM - Lebih 1,000 komuniti bandar raya Subang Jaya memeriahkan Program Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya (HTKSJ) 2025 di Taman Tasik Sri Serdang di sini pada 8 Februari.

Menurut Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadikan edisi pertama itu meriah ditambah sentuhan seni mural di Tasik Sri Serdang yang menceriakan suasana.

"Lebih 1,000 komuniti bandar raya hadir memeriahkan program HTKSJ 2025 di Taman Tasik Sri Serdang! Edisi kali ini lebih istimewa dengan kolaborasi MBSJ & UPM.

"Pelbagai acara menarik seperti fiesta sarapan pagi, pemeriksaan kesihatan percuma, Eco Free Market, Sukan Rakyat Tradisional & Explorace Kenali & Hapus Denggi," kata kenyataan di Facebook.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 13 FEBRUARI 2025

244 lokasi di 12 PBT

Sedia 15,800 petak bazar

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Sebanyak 15,882 petak bazar Ramadan dibuka meliputi 244 lokasi membabitkan 12 pihak berkuasa tempatan tahun ini, kata EXCO Keusahawanan Najwan Halimi.

Beliau memberitahu langkah berkenaan antara usaha bagi membantu usahawan dan penjaja kecil mendapat lebih keuntungan pada bulan Ramadan berbanding hari biasa.

"Saya nasihatkan peniaga mengikut peraturan PBT, jaga kebersihan dan keselamatan manakala untuk peniaga 'rambo' (tiada permit tetapi berniaga tiba-tiba) lupakan hasrat itu.

"Tiada berkompromi kepada peniaga seperti itu termasuk mereka yang jual permit kepada pihak ketiga, pemantauan setiap hari, tindakan tegas dikenakan jika langgar peraturan," katanya.

Beliau merasmikan Majlis Penyerahan Kit dan Permit Bazar Ramadan 2025 di Pusat Konvensyen MBSA, Seksyen 13 di sini pada 12 Februari.

Sebanyak 2,796 petak bazar dibuka Majlis Perbandaran Kajang diikuti

Majlis Perbandaran Selangor (2,121), Majlis Bandaraya Shah Alam (2,058) Majlis Bandaraya Diraja Klang (1,369) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (1,367).

Selain itu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (1,260), Majlis Perbandaran Kuala Selangor (936), Majlis Perbandaran Sepang (894), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (884), Majlis Perbandaran Kuala Langat (861), Majlis Perbandaran Hulu Selangor (726) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (610).

Pemangku Timbalan Setiausaha Pengurusan MBSA Norhisham Mohammad berkata MBSA mengeluarkan 2,058 permit membabitkan 37 lokasi di kawasan pentadbirannya pada tahun ini.

"Sebanyak 1,302 permit bazar melibatkan 26 lokasi diurus secara langsung oleh MBSA manakala 756 permit bazar Ramadan babit 11 lokasi diurus pihak swasta," katanya.

Bayaran di kawasan MBSA adalah RM250 bagi makanan dan minuman, makanan bergoreng (RM280), air kelapa dan tebu (RM280), jualan berbakar (RM280) serta ayam dan kambing golek (RM340).



SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 13 FEBRUARI 2025

Jaya kempen bebas beg plastik

PETALING JAYA - Peruntukan RM30,000 disediakan bagi menjayakan kempen bebas beg plastik di bazar Ramadan sekitar Petaling Jaya pada tahun ini.

Timbalan Datuk Bandar Aznan Hassan memberitahu kempen berkenaan menawarkan kupon digital bernilai RM15 kepada pengunjung yang menggunakan beg kitar semula.

"Kupon ini boleh ditebus di semua bazar Petaling Jaya. Majlis Bandaraya Petaling Jaya turut meneruskan program kitar semula minyak masak selepas berjaya mengumpul 2.5 tan minyak masak pada tahun lalu.

"Program pengasingan sisa turut diperkenal bagi menggalakkan inisiatif mesra alam dan ganjaran diberi kepada peniaga yang mengamal perniagaan lestari," katanya pada 5 Februari.

Aznan berkata pihaknya menggalakkan penglibatan usahawan mikro ekonomi sampingan (gig) seperti Platform Selangor (PLATS), GrabFood dan ShopeeFood.

Perkeso lindungi peniaga bazar

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menjalin kerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi melindungi peniaga bazar Ramadan pada tahun ini.

Timbalan Datuk Bandar Aznan Hassan memberitahu inisiatif julung kali itu bertujuan melindungi peniaga jika berlaku kemalangan luar jangka semasa bekerja di bulan puasa.

"Kita sarankan semua peniaga un-

tuk daftar perlindungan ini. Ini beri manfaat besar kepada mereka malah harga dikenakan juga rendah iaitu RM13.90 untuk sebulan.

"Kaunter disediakan untuk peniaga membuat pendaftaran," katanya selepas merasmikan program taklimat, cabutan undi dan penyerahan permit, apron dan topi Bazar Ramadan Bahagia dan Lestari 2025 pada 5 Februari.

Beliau juga memaklumkan kira-kira 100 petugas MBPJ selain anggota

Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) ditugaskan untuk memantau keselamatan di semua lokasi bazar.

"Selain memastikan keselamatan dan elak trafik sesat, petugas MBPJ juga memantau kebersihan. Kita juga akan kenakan tindakan tegas kepada peniaga tanpa permit ketika Ramadan," katanya.

Menerima 1,107 permohonan setakat ini, MBPJ menyediakan 1,260 petak bazar meliputi 18 lokasi.

Manfaat 200,000 penduduk Setia Alam

RM150 juta atasi masalah banjir kilat

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Projek tebatan banjir yang dijayakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) membawa manfaat kepada kira-kira 200,000 penduduk sekitar Setia Alam, kata EXCO keusahawanan.

Menurut Najwan Halimi, projek dengan anggaran kos RM150 juta itu dijangka menyelesaikan banjir kilat yang kerap berlaku di kawasan berkenaan sejak 2021.

"Rancangan projek tebatan banjir ini melibatkan Sungai Binjai dan Sungai Puloh. Sejak akhir-akhir ini, kerap juga

insiden banjir berlaku dan ia sukar untuk diramal lagi.

"Mungkin antara faktornya, pembangunan tetapi kita tidak boleh salahkan pembangunan dan alam semata-mata, kita perlu ambil tindakan segera," katanya selepas merasmikan sesi dialog awam projek itu pada 5 Februari.

Najwan juga memberitahu berkata MBSA mengenal pasti beberapa lokasi berisiko membabitkan kawasan utiliti awam dan pembangunan yang memerlukan kerjasama banyak pihak.

Beliau yang juga wakil rakyat Kota Anggerik menjelaskan rancangan



tebatan banjir yang sedang dipertimbang antaranya pembinaan saliran perparitan lestari dan pembesaran kolam takungan.

"Pelan tebatan banjir ini akan memperkenalkan perparitan lestari yang dapat menangani isu banjir serta mengurangkan impak terhadap alam sekitar.

"Pendekatan ini merangkumi elemen seperti penyerapan air semula jadi, pengekalan kawasan hijau dan integrasi teknologi moden dalam pengurusan air," katanya.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 13 FEBRUARI 2025

Taman kucing tarik 1,500 pengunjung

SHAH ALAM - Lebih 1,500 mengunjungi Taman Kucing Shah Alam di Dataran Kemerdekaan, Seksyen 14 di sini sejak dibuka Julai tahun lalu, kata Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim.

Beliau menyifatkan Catopia Shah Alam itu sebagai wadah mendidik dan memberi pendedahan kepada masyarakat terhadap kesejahteraan haiwan selain menyemarakkan lagi kempen pelancongan negeri.

Katanya, taman berkonsep kawasan permainan luar kucing peliharaan dilengkapi 12 elemen termasuk tempat perlindungan dan makanan kucing, jambatan gantung, terowong, kolam pancuran air dan 10 alat permainan, lapor Bernama.

Menurut Mohd Fauzi, taman itu juga merangkul anugerah Special Mention kategori Placemaking and Public Space Award dan Anugerah Emas bagi kategori Best Planning Content in Media Award baru-baru ini.

Terdahulu, Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan menyempurnakan perasmian Taman Kucing Shah Alam pada 9 Februari.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 13 FEBRUARI 2025

Kumpul 2.5 tan sisa kitar semula

SHAH ALAM - Sebanyak 2.5 tan barangan kitar semula dikumpul Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dalam program Sampah kepada Tunai di Taman Melawati baru-baru ini.

Pihak berkuasa tempatan itu memaklumkan program yang menawarkan ganjaran bersesuaian menerima sambutan menggalakkan berikutan acara tersebut dihadiri kira-kira 100 penduduk setempat.

Menurut MPAJ lagi, inisiatif berkenaan bertujuan memudahkan penduduk menyerahkan barangan kitar semula untuk diurus mengikut tatacara betul demi mengekalkan kelestarian alam sekitar.

"Barangan tersebut termasuk e-sisa (alatan elektrik dan elektronik) dan minyak masak terpakai," kata kenyataan.

Kaunter pandu lalu bayar cukai

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) membuka kaunter pandu lalu untuk penduduk sekitar menjelaskan cukai taksiran.

MPAJ memaklumkan kaunter beroperasi setiap hari bekerja bermula jam 9 pagi hingga 4 petang (rehat 1 tengah hari) di aras 1, Menara MPAJ.

"Pemilik harta di MPAJ diingat melunaskan bayaran cukai taksiran bermula 1 Januari hingga 28 Februari 2025 (penggal pertama) dan 1 Julai 2024 hingga 31 Ogos 2025 (penggal kedua)," katanya menerusi kenyataan.

Bayaran cukai taksiran juga boleh dibuat secara tunai, cek, kad kredit atau perbankan dalam talian melalui beberapa kaedah antaranya di kaunter khidmat setempat dan mesin kiosk aras 4, Menara MPAJ, kaunter cawangan Taman Melawati serta aplikasi iCOMM MPAJ.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 13 FEBRUARI 2025

Sita kenderaan, keluar kompaun

Tangani isu sampah, tambakan haram

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) tegas menangani isu pembuangan sampah haram dan penambakan tanah tidak sah di Kampung Sri Sentosa dan Kampung Sri Aman, Ijok.

Yang Dipertuanya Mohamad Hanafe Basri memberitahu tindakan penguatkuasaan berterusan dijalankan sejak 2008 termasuk amaran lisan dan notis kompaun kepada semua pihak.

Katanya, lokasi pembuangan sampah haram ditutup dan parit

dikorek pada 2016 bagi menghalang kenderaan manakala pintu pagar dan pondok haram dibina di laluan masuk ke situ diroboh.

"Walaupun tindakan diambil, pembuangan sampah haram dan penambakan tanah masih berterusan. Cabaran utama permintaan tinggi pemilik tanah menambak kawasan bagi elak banjir," katanya pada 7 Februari.

Beliau menjelaskan dua kampung berkenaan yang terletak berhampiran tebing Sungai Buloh sering mengalami banjir kilat berikutan kedudukannya lebih rendah berbanding jalan raya dan sungai.

Mohamad Hanafe menjelaskan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Bilangan 1/2019 dijalankan bagi menyelaraskan tindakan penguatkuasaan antara agensi.

Katanya, sebanyak 134 kenderaan disita, 281 kompaun dan notis (20) dikeluarkan kepada pihak terlibat dalam kegiatan itu antara 2020 hingga kini, dengan sitaan tertinggi pada 2023.

"Sehingga kini sebanyak 33 notis 7A dikeluarkan kepada pemilik tanah dengan 28 daripadanya tamat tempoh dan tindakan diteruskan dengan pengeluaran notis 7B," kata beliau lagi.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 13 FEBRUARI 2025

MBDK to build dog shelter

Klang mayor: Pulau Indah centre to facilitate neutering, adoptions

Story and photo
by EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

KLANG Royal City Council (MBDK) is planning to build a shelter for stray dogs at Pulau Indah in Port Klang, Selangor.

Klang mayor Datuk Abd Hamid Hussain said the proposed shelter would accommodate stray or abandoned dogs as part of the city council's "humane animal-handling approach".

"Our dog shelter, which will be called 'Canine Housing and Neutering Centre', will be built on a 2.5ha land in Taman Perindustrian Pulau Indah.

"Dogs brought to the shelter will be neutered to mitigate the stray overpopulation and address complaints of unlicensed canines," he said.

Abd Hamid said the shelter, the cost of which would be borne by MBDK, was at the design stage.

It is learnt that the estimated cost to build the shelter is RM1mil.

"Our planners will design a shelter that is pleasant to work in and easy to maintain.

"We want the facility to be appealing and a low-stress environment for the animals."

Abd Hamid said the design would include an outdoor area for the dogs.

"MBDK's plan is to have an area for adoptable dogs.

"We want to encourage people



MBDK officer Nurbaiti (right) speaking to residents who turned up with their dogs for vaccination.

to visit the kennels and adopt the neutered animals.

"These spaces will have toys to keep the dogs in a good and playful mood in an effort to boost adoption," he said at the licensing and vaccination programme for dogs, held at Persiaran Batu Belah, Taman Bukit Raja.

Residents from several neighbourhoods turned up at the event in Taman Bukit Raja, bringing their dogs for vaccination and to have licences renewed.

MBDK assistant senior environmental health officer Nurbaiti Harom said the city council had informed 650 residents regarding the programme via leaflets.

"The turnout was good. There

were 15 health department staff attending to residents.

"We feel our efforts of going into the residential areas have inspired owners to better care for their pets," she said.

Since Jan 11, MBDK issued licences to 410 canines and vaccinated 87 dogs.

Nurbaiti was assisted by assistant senior environmental health officer Rafidah Abu Hassan, who encouraged pet owners to have their animals vaccinated during MBDK's weekend programmes that offered a 50% discount.

Veterinarian Dr Jananni Kirubananthan was on hand to check the dogs and give advice.

Businessman K. Murugiah, 52, who brought his eight-year-old

dog Oggy said MBDK's approach of holding the programme in neighbourhoods provided convenience to the people.

Another pet owner Joselyn Chew, 37, brought her dog named Wuzui.

She said the weekend programme was helpful and reflected MBDK's interest in animal welfare.

Dinesh Sahadevan, 40, had his dog Muffin vaccinated and renewed her licence too.

He said the event provided convenience for pet owners.

The next event on Saturday is at Padang Taman Meru, Lorong Prai, from 9am to 4pm.

MBDK Health Department staff will be visiting neighbourhoods to distribute leaflets.

THE STAR

13 FEB 2025

Tarikh:.....

S'gor refining guidelines as care centre demand rises

By CY LEE (MBPJ)
chenyoong@thestar.com.my

SELANGOR government is reviewing care centre regulations as demand for the services increases in tandem with the state's growing population.

Special Committee for the Improvement of Care Services chairman Michelle Ng said the state government was gathering feedback to refine existing guidelines, expected to be finalised within the year.

She said the information collected during a workshop involving care centre operators and stakeholders would provide insight into how centres were operating and what changes may be needed to strengthen oversight.

The Petaling Jaya Care Economy Action Plan 2025-2030 Workshop, held at the Petaling Jaya City Council's (MBPJ) headquarters, was to better understand the landscape of care centres and the care economy in the city.

"This will be the basis for forming our guidelines," she said in a recorded video message to participants.

Ng said the review was necessary as Selangor's growing population would impact the demand for care services and how centres operate.

"The average annual population increase of 13.8% across



In a recorded video message, Ng says unregistered care centres remain a concern.

Petaling Jaya, Shah Alam, Subang Jaya and Klang will shape the sector's development in the coming years."

Ng said the state would look into regulations such as the 200m-radius rule, which governs the minimum distance between care centres.

"We want to know where the centres are operating to determine, for example, if the 200m-radius rule is still necessary or needs to be reconsidered."

She added that operating trends, types of premises and care centre distribution must also be studied to ensure policies remain relevant.

"If, for example, data shows a

shift toward care centres operating in apartment buildings, the government will need to find a way to whitelist such premises."

Ng said unregistered care centres remain a concern, particularly in light of Selangor recording the highest number of child abuse cases in the country for three consecutive years.

"Selangor police have indicated that many of these cases were linked to unlicensed premises."

"Without registration, the state cannot ensure that workers have received the necessary training."

Following this initial engagement workshop, the state plans to expand discussions to other

local councils.

Petaling Jaya mayor Mohamad Zahri Samingon said the feedback collected would be compiled into a report and presented to the state government by June.

"The data gathered from this engagement will serve as a reference for the state to shape future policies," he said.

"It will also provide a framework for other local councils to refine their approach to the care economy."

He said the care sector remained critical as Malaysia's demographic changes would continue driving demand for such services.

"To ensure quality and safe care services, MBPJ continues to strengthen the management and monitoring of care centres in Petaling Jaya," he said.

According to MBPJ data, Petaling Jaya currently has 147 nurseries, 108 childcare and care centres for the disabled and 70 elderly care homes.

Of the 147 nurseries, 132 have been registered with the authorities, while 15 are unregistered.

There are 108 childcare, welfare and disability care centres, of which 98 are operating with full approvals, while 10 have yet to obtain the licence.

For elderly care homes, 66 have been approved, while four are unregistered.

THE STAR

13 FEB 2025

Tarikh:.....

'PJ a friendly city for all ages'

Mayor: City council also committed to improving life for senior citizens

By LEW GUAN XI
lewguanxi@thestar.com.my

PETALING Jaya in Selangor has been officially recognised as one of the member cities of the World Health Organisation's (WHO) Global Network for Age-friendly Cities and Communities (GNAFCC).

Mayor Mohamad Zahri Samingon said the recognition reflected Petaling Jaya City Council's (MBPJ) commitment to creating a city where every generation can flourish.

"MBPJ has carried out several initiatives to build a city that is inclusive and sustainable by taking into account the needs of all groups including children, teenagers, women, people with disabilities and senior citizens.

"This recognition is not just an acknowledgement of these efforts but also a profound inspiration for us to do more, dream bigger and work harder to create a future that is truly inclusive for all," he said during the presentation of the GNAFCC certificate of participation at MBPJ's headquarters.

Mohamad Zahri also said MBPJ launched Senior Citizen Action Plan 2030 last year to guide the city council and stakeholders to create an environment where senior citizens could lead a healthy and active lifestyle.

The action plan, he said, focused on five main areas namely health, economy, social and safety, education and the environment.

"Petaling Jaya's participation in this global network proves it is one of the most proactive cities in terms of planning strategies and taking actions to benefit senior citizens," he added.

He emphasised that MBPJ would continue striving to improve the lives of senior citizens in the city, with a basic assessment study to be conducted.

The study, he added, aimed to obtain a comprehensive picture of the demography and its growth rate in Petaling Jaya.

"It will also look into their socio-economic, health and well-being.

"Senior citizens' levels of access to housing, healthcare services, public amenities and other essential support will also be assessed," he said.

"This study can identify the current needs of senior citizens in Petaling Jaya accurately so that MBPJ can improve the action plan from time to time."

Mohamad Zahri urged all parties to continue being committed and united to

"Petaling Jaya's participation in this global network proves it is one of the most proactive cities in terms of planning strategies and taking actions to benefit senior citizens."

Mohamad Zahri Samingon

ensure the action plan's sustainability.

Also present at the launch was WHO representative for Malaysia, Brunei and Singapore Dr Rabindra Abeyasinghe, who said Petaling Jaya's participation in GNAFCC could create many opportunities for it to share experiences with other member cities.

"You will not only be exposed to experiences and information from cities in Malaysia and Asean, but also the wider Asia-Pacific region and the whole world.

"This is especially important for Malaysia because it is also a rapidly ageing country," he said.

He added that Malaysians would be joining the aged community soon and it was vital for them to feel appreciated and continue contributing to the economy and societal well-being.

"Hence, I believe this membership will provide Petaling Jaya with additional opportunities to create an inclusive society to improve the quality of life of its people," he said.

During the ceremony, Mohamad Zahri and Dr Rabindra launched the official logo of "Petaling Jaya Age-Friendly City", chosen from the Age-Friendly City Logo Design Competition organised by MBPJ from Sept 25 to Oct 1 last year.

Petaling Jaya is the sixth city in Malaysia to join GNAFCC, which currently includes 1,705 cities and communities across 60 countries, covering over 330 million people worldwide, according to WHO's website.



Mohamad Zahri (left) and Dr Rabindra at the event recognising Petaling Jaya as part of GNAFCC. — ONG SOON HIN/The Star

THE STAR

Tarikh: 13 FEB 2025

Royal love for Shah Alam cat park

By LEONG SHU YIN (MBSA)
leong.yin@thestar.com.my

Feline utopia, 'Ikon Oyen' helping cats and owners chill out

THE nation's first cat playground located in Shah Alam has been officially launched by Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin.

Her Royal Highness attended the ceremony held in conjunction with Shah Alam Car Free Day at Dataran Kemerdekaan, in Section 14.

The feline playground called Catopia built by Shah Alam City Council (MBSA) features elements specially catered to cats including mini fountains, shelters, hanging bridges, tunnels, feeding stations as well as designated litter zones.

A bus stop located along Persiaran Bandar Raya has been renovated to serve as an entrance into the park and features a playful cat theme.

Tengku Permaisuri Norashikin was accompanied by wife of the Selangor Menteri Besar Datin Seri Masdiana Muhamad, Shah Alam mayor Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim and MBSA deputy mayor Madiyan Baweh at the event.

The launch coincided with the unveiling of "Ikon Oyen" as the mascot to raise awareness of responsible pet ownership.

Earlier, the Tengku Permaisuri flagged off events held in conjunction with the car-free event.

Her Royal Highness was then given a tour of Catopia's facilities and spent some time with several cats and their owners.

Speaking to the press after the launch, Mohd Fauzi said he hoped the cat park would become a tourist attraction, drawing more visitors to Shah Alam.



Tengku Permaisuri Norashikin at Catopia in Shah Alam. Looking on are Masdiana (right) and Mohd Fauzi (wearing glasses). — Photos: IZZRAFIQ ALIAS/The Star

"We aim to use this park as a platform for the public and Shah Alam residents to bring their cats to enjoy the facilities provided so that the cats and their owners can release their stress."

"Since its opening, we have had about 1,500 visitors including tourists and students as well as residents from Shah Alam and other districts."

Entry to the park has been free since it opened last year. Mohd Fauzi said MBSA was

considering imposing a small fee of RM1 or RM2 and in return, visitors could be given merchandise like keychains.

He said Catopia Shah Alam has received notable recognition, winning a Special Mention award in the Placemaking and Public Space Award (Government Initiative) category and a Gold award in the Best Planning Content in Media Award (Online Media) category at MIP Planning Excellence Awards 2024.



Playtime for cats of Shah Alam.

(Below) A visitor posing with 'Ikon Oyen'.



THE STAR

13 FEB 2025

Tarikh:.....



**STAR METRO
WATCH**

DAY FOR BUSKERS

The Residents Representative Council of Zone 22 in Petaling Jaya is organising a Buskers' Day at Taman Bandaran MBPJ in Kelana Jaya from 4pm to 6pm on Feb 16. There will be lucky draws and a children's colouring contest. For details, call 018-280 5779.

PETANQUE CHAMPIONSHIP

Kuala Selangor Municipal Council is inviting petanque players to take part in the President's Cup Open Double Petanque Tournament at Arena Petanque, Kuala Selangor Sports Complex on Feb 22. It offers prizes worth RM5,700. Joining fees are RM70. Closing date is Feb 19. For details, call 013- 480 9072 (Nur Izwani).

CLEAN SELANGOR

Complaints on waste collection and drain cleaning in Selangor can be made to KDEB Waste Management's centralised command centre by calling toll-free number 1800-88-2824 or through the Selangor iClean app.

THE STAR

18 FEB 2025

Tarikh:.....

ASSESSMENT TAX

Petaling Jaya City Council (MBPJ) will deploy mobile counters for assessment tax payments at Jalan Cempaka, SD 12/1 on Feb 15-16 from 10am to 2pm, Jalan SS 25/4, SS 25 on Feb 22-23 from 10am to 2pm, and Jalan Dāgang, SD 2/1G on Feb 27-28 from 9am to noon. Payments can also be made online via ePay@MBPJ, JomPAY and internet banking. For details, call 03-7956 3544 (ext 102/103/108/ 109).

THE STAR

Tarikh:..... **13 FEB 2025**

Air Selangor's commitment to sustainable water intact

PETALING JAYA: Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) has implemented various strategic initiatives in 2024, focusing on strengthening operational efficiency and improving infrastructure, ensuring the best experience for its 9.62 million consumers in Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya.

Air Selangor said it reached a non-revenue water rate of 27%, equivalent to water savings of 298.36 million liters per day, optimising operational costs and ensuring Air Selangor's efficiency.

There was also an increase in the water reserve margin to 18.60%, compared to 15.34% in 2023, as a result of close monitoring of dams and water treatment plants (WTPs), as well as the progressive completion of the Langat 2 WTP.

Additionally, Air Selangor said it achieved a Pipe Burst Index of 3.25 pipe burst cases per 100km, a reduction from 4.18 cases/100km in 2023, and significantly lower than the international benchmark of 13 cases per 100km.

"Water quality complied with the Health

Ministry's drinking water quality standards of 99.93%, consistently exceeding 99% for four consecutive years."

Meanwhile, the installation of solar systems at key WTPs saved over RM6.78mil in energy costs, aligned with efforts to reduce carbon footprints and improve energy efficiency, it pointed out.

Moving forward to 2025, Air Selangor said it remains committed to strengthening the resilience of the water supply system through various strategic initiatives that provide long-term benefits to consumers.

THE STAR

Tarikh: 13 FEB 2025

Weak vape laws allow easy access for minors, say groups

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

JOHOR BARU: Malaysia's lax regulations on the sale of vape products and e-cigarettes are the main reason why the items are accessible to minors, say youth groups.

Young Malaysians Movement organising secretary Brevia Pan Woon Shien said that despite laws prohibiting sales to those under 18, underage vaping remains widespread.

"A significant number of students use vape products because they are easily accessible or avail-

able from friends.

"However, many young users are unaware of the highly addictive nature of nicotine and the presence of harmful chemicals in these products," she said.

While Pan supports a complete ban on vaping due to health risks, she acknowledges the challenges of immediate prohibition.

"Without stricter enforcement, a black market would thrive, making regulation even harder and increasing the risks associated with counterfeit and substandard products," she added.

Additionally, she called for

stricter regulation of online sales to ensure that only verified buyers can make purchases, preventing access to the underaged.

She also recommended that Malaysia follow Thailand and Singapore which have already implemented a full ban on vape products.

Pan reaffirmed her support for the Generational End Game (GEG) policy, aimed at phasing out smoking and vaping.

"If stricter regulations are gradually implemented now, a vape-free Malaysia remains within reach.

"The government must revisit discussions on the GEG provision, considering the long-term benefits for public health," she said.

Meanwhile, Malaysian Indian Youth Council president Dhanesh Basil said that vaping has become a cultural trend among youth who associate it with being "cool".

"Vape is portrayed as a medium for youth to look cool. If you vape, you are seen as an easy-going to hang out with," he said.

He added the variety of shapes, sizes, and colours of vape products make them even more appealing, emphasising the need

to curb and discourage this trend.

He said that the government should also take action against parties which promote vape products as a "safer" alternative, despite overwhelming evidence of their harmful effects.

"This idea has been cultivated for so long. If you buy a pack of cigarettes today, there are pictures showing the consequences of smoking, from mouth cancer to lung disease.

"However, the same warnings are not present on vape packaging, promoting the false belief that vaping is safer," he said.

THE STAR

Tarikh: 13 FEB 2025

54 13/2 Akta Kontrak: Tempoh 18 bulan untuk Jawatankuasa Semakan

KUALA LUMPUR - Jawatankuasa Semakan dan Pembaharuan Undang-Undang Kontrak diberikan tempoh 18 bulan untuk melaksanakan semakan dan kajian menyeluruh terhadap Akta Kontrak 1950 (Akta 136) yang menjadi antara agenda di bawah reformasi institusi kerajaan Madani.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, tempoh itu bermula dari tarikh mesyuarat pertama jawatankuasa berkenaan pada 14 Januari lepas dengan kajian akan dilaksanakan melalui tiga fasa.

Beliau berkata, ia merangkumi fasa satu iaitu penilaian undang-undang semasa dan analisis perbandingan manakala fasa dua melibatkan pemodenan dan cadangan pembaharuan serta fasa tiga (penyatuan, syor dan draf perundangan).

"Tiga cadangan akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa untuk memperbaiki Akta 136. Pertama, pindaan kepada akta dengan mengemas kini akta ini bagi menangani jurang dan peruntukan lapuk.

"Kedua, memansuhkan Akta 136 dan menggantikan dengan undang-undang baharu yang lebih komprehensif ke arah memodenkan dan menyatukan prinsip undang-undang kontrak serta ketiga, pindaan kepada Akta 136 dan memperkenalkan perundangan baharu untuk menangani isu-isu semasa dalam bidang



AZALINA

tertentu," katanya.

Azalina berkata demikian pada sesi penerangan menteri berkaitan kajian pembaharuan undang-undang kontrak di Malaysia pada sesi Kamar Khas Dewan Rakyat pada Rabu.

Beliau berkata, Akta 136 yang menjadi asas kepada undang-undang komersial di Malaysia sejak lebih tujuh dekad lepas telah melalui tiga kali pindaan dengan ter-

akhir pada 49 tahun dahulu.

Mengambil kira tempoh pindaan yang terlalu lama, katanya, Akta 136 boleh dikategorikan sebagai undang-undang lapuk dan tidak mampu menangani isu transaksi digital, desakan ekonomi, model perniagaan zaman moden, perdagangan antarabangsa serta kekecewaan dan ketidakadilan dalam perjanjian sehingga menyebabkan banyak kebergantungan terhadap tafsiran kehakiman.

"Pembaharuan undang-undang kontrak merupakan komitmen kerajaan Madani dalam menjayakan satu daripada reformasi institusi yang sedang giat dilaksanakan.

"Hal ini bagi menambah baik undang-undang berkaitan bidang komersial agar lebih relevan dengan situasi semasa selaras perkembangan pada peringkat antarabangsa serta memastikan sektor perundangan komersial di Malaysia terus bergerak dinamik sejajar perubahan zaman," jelasnya. - *Bernama*

SINAR HARIAN
13 FEB 2025

Tarikh:

Ribuan anak syarikat
agensi kerajaan sebelum
ini catat kerugian besar

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH TUAN
MUHAMAD ADNAN**
PUTRAJAYA

SH
13/2

Tak boleh tubuh anak syarikat - PM

Agensy kerajaan tidak boleh lagi menubuhkan anak syarikat di bawahnya tanpa kelulusan pihak tertinggi.

Ini kerana kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, terdapat ribuan anak syarikat agensi kerajaan telah mencatatkan kerugian besar.

"Untuk membatalkan itu (anak syarikat)

bukan mudah, tetapi wajib dilaksanakan kerana ia memaknai apa yang disebut reformasi institusi," katanya ketika berucap di Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan (MoF) di sini pada Rabu.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican.

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan memaklumkan kerajaan akan membuat keputusan berhubung usul menyeragamkan beberapa agensi kerajaan.

Menurutnya, cadangan itu sebagai usaha kerajaan ke arah reformasi institusi akan dibentangkan pada mesyuarat Kabinet dalam tempoh terdekat.

"Bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Datuk Seri Asri Hamidon) sudah saya tugaskan untuk beri beberapa usul bagi menyeragamkan beberapa agensi dan dibawa kepada KSN," katanya.

Pada 3 September tahun lalu, Anwar mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Khas Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan bagi menangani isu pertindihan fungsi badan berkanun sekali gus disasarkan dapat memberi penjimatan perbelanjaan negara.

Jawatankuasa yang diketuai Asri itu bertugas serta-merta dalam usaha kerajaan melaksanakan pembaharuan dalam perkhidmatan awam.

Dalam perkembangan lain, Anwar menggesa Kementerian Pendidikan

(KPM) melaksanakan inisiatif memperkasakan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid.

Beliau menegaskan, perancangan dalam Reformasi Pendidikan yang telah diputuskan kerajaan tidak boleh memakan masa panjang.

"Perencanaan begitu lama akan menyebabkan sistem pendidikan negara ketinggalan.

"Saya tidak nafikan kerenah dan kerumitan kerana kerencaman dalam sistem dan latihan guru tetapi kalau ikut kaedah lama, kita akan ketinggalan," ujar Anwar.

Menurutnya, pemerksaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid perlu diberi anjakan sebagaimana telah disepakati.

"Di antara yang saya tekankan selain daripada memantapkan penguasaan bahasa Melayu adalah untuk memberikan sedikit anjakan iaitu memastikan penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua itu mantap dalam kalangan pelajar terutama peringkat menengah," katanya.

Pada 8 Jun tahun lalu, Anwar menegaskan kerajaan tidak pernah berganjak daripada usaha memartabatkan bahasa Melayu meskipun dalam masa sama mahu rakyat negara ini menguasai bahasa Inggeris.

Selain itu, kerajaan juga bercadang membawa sukarelawan pengajar bahasa Inggeris dari Singapura bagi membantu meningkatkan penguasaan bahasa berkenaan di kawasan pedalaman.

Ia susulan pertemuan beliau bersama Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong dalam kunjungan ke Malaysia pada tahun lalu.



Anwar ketika berucap dalam Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan dan Majlis Peluncuran Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan (iPayment) di MoF pada Rabu.

SINAR HARIAN

Tarikh:13 FEB. 2025....

Sesi pendengaran awam pertama PAC

^{SH 3/2}
Kumpul maklum
balas awam isu
peningkatan bayaran
premium insurans
kesihatan, caj
hospital swasta

Oleh NURUL HUDA HUSAIN
KUALA LUMPUR

Prosiding Peningkatan Bayaran Premium Insurans Kesihatan dan Takaful, Caj Hospital Swasta dan Impak Kepada Kesihatan Awam di bawah Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan dan Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan sesi pendengaran awam pertama dilaksanakan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).
Pengerusi PAC, Datuk Mas

Ermeyati Samsudin berkata, sesi yang diadakan di dua lokasi dan tarikh berbeza itu akan turut disertai oleh Kementerian dan agensi yang berkaitan.

"Ini adalah kali pertama dan tidak pernah dibuat pendengaran awam. Jadi apa sahaja maklum balas yang kita dapat dalam pendengaran ini akan dimasukkan dalam sebahagian daripada laporan PAC dan dijadikan sebagai rujukan.

"Sesi pendengaran awam ini akan dikendalikan oleh Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin sebagai moderator. Sejak pendaftaran sesi ini dibuka minggu lalu, seramai 243 responden telah mendaftar," katanya dalam sidang akhbar di Parlimen pada Rabu.

PAC dalam kenyataan sebelum ini memaklumkan sesi pertama akan diadakan di AC Marriott Hotel, Bukit Jambul Pulau Pinang pada 14 Februari bermula jam 9 pagi hingga 12 tengah hari manakala sesi kedua dijadualkan di Dewan Banquet,



Mas Ermeyati (empat dari kiri) ketika sidang akhbar di Parlimen pada Rabu.

Blok Utama Parlimen Malaysia di ibu negara pada 21 Februari depan bermula jam 9 pagi hingga 12 tengah hari.

Sementara itu, Tze Tzin berkata, pendengaran awam itu dibuat susulan isu berkenaan mendapat reaksi meluas masyarakat.

"Selepas ini mereka yang se-

ring membuat aduan di media sosial boleh tampil ke depan untuk ceritakan sendiri dan sesi pendengaran awam ini terbuka kepada semua," jelasnya.

Pada Disember lepas, BNM meminta semua syarikat insurans dan takaful yang menawarkan produk insurans, takaful perubatan dan kesihatan (MHIT)

melaksanakan pelarasan premium secara pengagihan sekurang-kurangnya selama tiga tahun sehingga akhir 2026.

Bulan lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan kerajaan tidak akan bertolak ansur sekiranya premium insurans kesihatan dinaikkan tanpa alasan munasabah.

SINAR HARIAN

Tarikh: 13 FEB 2025

Ambil kira aduan, laporan audit rasuah

SH
13/2

SHAH ALAM - Aduan mengenai rasuah dan maklum balas dalam laporan audit wajib diambil kira dari aspek tindakan penguatkuasaan kerana ia antara langkah memperkukuh mekanisme pemantauan serta akauntabiliti bukan sahaja di peringkat sektor awam, malah syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Pensyarah Undang-Undang dan Polisi dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Madya Dr Muhammad Fathi Yusof berkata, pendekatan itu amat penting bagi memastikan tiada sebarang salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah dalam pentadbiran negara.

"Selain itu, dari sudut sumber manusia. Walaupun wujud kecenderungan untuk mengecilkan sektor awam, tetapi kerajaan mesti menilai keperluan

an yang mendesak bagi meningkatkan jumlah tenaga kerja dalam konteks penguatkuasaan dan pemantauan berkaitan integriti demi mencegah rasuah.

"Dalam hal ini, saya percaya perlu tambah bilangan kakitangan agar kerajaan mampu menguatkuasakan undang-undang antirasuah terutamanya badan-badan yang mempunyai kepentingan awam.

"Dari konteks akauntabiliti, pemimpin dan pemerintah perlu dipastikan tidak terjebak unsur-unsur rasuah. Jika ia wujud, pihak berkuasa mesti ambil tindakan tegas ketika siasatan atau dakwaan berlaku," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.



MUHAMMAD FATHI

Pada Selasa, menurut laporan Transparency International Malaysia (TI-M), Malaysia mengekalkan kedudukan ke-57 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2024 dengan skor 50 mata, tidak berubah berbanding tahun lalu.

Dari segi kedudukan negara ASEAN, Malaysia berada di tempat kedua terbaik selepas Singapura yang merekodkan skor sebanyak 84 dan berada di tangga ketiga daripada 180

negara.

Presiden TI-M, Dr Muhammad Mohan memaklumkan, meskipun tidak mengalami kemerosotan, beberapa faktor termasuk semakan semula hukuman penjara dan pengurangan denda selepas disabitkan oleh mahkamah tertinggi ke atas kes

berprofil tinggi mungkin mempengaruhi ekoran tiada peningkatan terhadap skor kedudukan Malaysia.

Mengulas lanjut, Muhammad Fathi berpandangan, sistem perundangan negara dari segi peruntukan kesalahan rasuah sudah memadai, namun penguatkuasaan dan polisi yang lemah berkaitan integriti menjadi cabaran pada hari ini.

Kata penganalisis itu, rakyat pula melihat sebahagian besar manifesto kerajaan ketika kempen pilihan raya sebelum ini tidak selari dengan apa yang pernah diungkapkan.

Tambahnya, ia antara elemen wajib diberi perhatian serius selain faktor-faktor berbangkit yang menjadi penyumbang kepada pengecilan kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (CPI).

SINAR HARIAN
13 FEB 2025

Tarikh:

Keperitan rakyat akibat rasuah



54
13/2
**RINTIHAN
RAKYAT**

DR ANIS YUSAF YUSOFF

Setiap tahun pada Februari seperti ini, saya akan diuji pelbagai pertanyaan tentang pandangan saya sama ada skor Malaysia untuk Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dikendalikan oleh Transparency International (TI) berpangkalan di Berlin akan naik atau turun.

Tahun ini ketika soalan sama diajukan beberapa minggu lalu, jawapan saya mudah – kalau ada antara sub-indeks yang digunakan untuk mengira skor kita jatuh, mana mungkin skor kita naik.

Dan pada 11 Februari, ketika TI melaporkan Indeks Persepsi Rasuah 2024, jangkaan saya hampir tepat cuma skor Malaysia tidak berganjak. Tidak naik dan tidak turun. Terus berada pada skor 50/100. Jika di universiti, skor itu membawa gred C bersamaan gred mata 2.0.

Daripada sembilan sumber sub-indeks yang digunakan bagi mengira CPI, dua paling ketara yang jatuh dengan teruk untuk Malaysia. Yang pertama, *IMD World Competitiveness Yearbook Executive Opinion Survey*. Skor kita jatuh, tahun 2023 mendapat 47 kepada hanya 38 pada 2024. Sub-indeks kedua kita jatuh – *Economist Intelligence Unit Country Risk Service* –

daripada 55 menjadi 51 untuk 2024.

Jika kita fokus kepada dua sub-indeks itu dengan memberi penelitian kepada indikator yang mereka ukur, sudah pasti kita akan dapat memperbaiki skor kita pada tahun akan datang. Ia pernah dilakukan pada 2019.

Namun, yang jelas dan perlu diberi pujian adalah bagaimana kita telah berjaya menambah skor dengan ketara dalam beberapa sub-indeks lain, antaranya *Political and Economic Risk Consultancy Asian Intelligence* serta *World Economic Forum Executive Opinion Survey*. Empat sub-indeks lain kita menambah skor tetapi tidak begitu ketara seperti dua tersebut. Enam sub indeks itu perlu kita pertahankan.

Yang ingin saya ingatkan dan ulang berkali-kali – CPI tidak hanya terikat kepada rasuah semata-mata. Takrifan rasuah itu sendiri perlu difahami secara lebih menyeluruh. Salah guna kuasa juga adalah rasuah. Bukan hanya wang sogokan diberi oleh pemberi rasuah kepada penerima rasuah sahaja dikategorikan sebagai rasuah.

Birokrasi berlapis-lapis yang menyebabkan ahli perniagaan terpaksa menunggu berminggu-minggu bagi mendapat lesen atau apa juga mereka perlu untuk memulakan perniagaan, boleh dianggap sebagai halangan mencapai tatakelola baik yang efisien dan efektif. Semua itu juga akan menyumbang kepada ketidakberkesanan dalam *delivery service* dan ia juga perlu kita perbaiki.

Rasuah kekal sebagai isu utama membelenggu rakyat di Malaysia. Menurut kajian IPSOS pada November 2024, kebimbangan terhadap rasuah dalam politik dan kewangan antara isu paling hangat diperdebatkan rakyat.

Ia bukan sekadar masalah moral atau undang-undang tetapi memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat terutama dari segi ekonomi, kos sara hidup dan ketidakpastian masa depan.

Rasuah dalam pentadbiran kerajaan dan sektor swasta memberi impak negatif terhadap ekonomi. Dana awam yang sepatutnya digunakan untuk pembangunan infrastruktur, pendidikan dan kebajikan rakyat sering diselewengkan pihak tidak bertanggungjawab.

Akibatnya, rakyat menanggung kesan dalam bentuk peningkatan kos sara hidup, kelembapan ekonomi dan ketidakseimbangan sosial. Sebagai contoh, apabila kontrak kerajaan diberikan kepada syarikat tidak kompeten melalui amalan rasuah, hasil kerja berkualiti rendah dan pembaziran wang rakyat tak dapat dielakkan. Projek terbengkalai atau tidak mencapai standard akhirnya merugikan rakyat.

Rasuah juga menjejaskan keyakinan pelabur. Apabila Malaysia dikenali sebagai negara korup, pelabur asing lebih berhati-hati dan mungkin memilih melabur di negara lain yang lebih stabil dari segi tadbir urus. Ia menjejaskan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan peluang pekerjaan dan memberi tekanan kepada rakyat yang bergelut mencari

pendapatan.

Rakyat mahukan tindakan tegas dalam memberantas rasuah. Mereka mengharapkan kerajaan dan agensi penguatkuasaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pejabat Peguam Negara bertindak tanpa memilih bulu dalam mendakwa mereka terlibat termasuk individu berprofil tinggi dalam politik serta korporat.

Selain penguatkuasaan undang-undang lebih ketat, rakyat juga mahu lebih banyak ketelusan dalam pentadbiran negara termasuk pendedahan penuh mengenai perolehan kerajaan, akauntabiliti ahli politik dalam perbelanjaan awam dan pelaksanaan dasar antirasuah lebih berkesan.

Pendidikan antirasuah harus diperkukuhkan dalam sistem pendidikan. Rakyat percaya nilai integriti perlu ditanam sejak usia muda agar generasi akan datang lebih bertanggungjawab.

Rasuah bukan sekadar masalah perundangan tetapi ia memberi impak langsung kepada kehidupan rakyat Malaysia. Jika masalah itu tidak ditangani dengan serius, rakyat akan terus menanggung akibatnya dalam bentuk kemiskinan, pengangguran dan ketidakpastian ekonomi.

* Dahul Dr Anis Yusaf Yusoff ialah Pengarah Eksekutif di INPUMA & UM LEAD, Universiti Malaya. Beliau juga adalah Felo Utama di KITA, UKM dan pernah menjadi Presiden Institut Integriti Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah GIACC, JPM.

SINAR HARIAN

Tarikh:1.3.FEB.2025...

SH
13/2

PM mahu iPayment diperluas awal Mac



Kakitangan MoF menunjukkan aplikasi dan laman sesawang Sistem iPayment yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada Rabu.

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan (iPayment) diperluas kepada seluruh kementerian dan jabatan seawal Mac ini.

Menurutnya, inisiatif tersebut perlu dipercepatkan agar rakyat dapat menikmati kemudahan tersebut ketika berurusan dengan kerajaan.

"Ia menjadi ukuran tatkala reformasi sedang giat dilaksanakan kerajaan."

"Sebab itu saya gesa supaya program iPayment ini dipercepatkan dari unjuran jadual akhir April kepada awal Mac," katanya.

Inisiatif yang dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) itu selaras dengan dasar kerajaan memacu transformasi digital sektor awam ke arah komuniti tanpa tunai.

iPayment boleh diakses melalui tiga saluran pembayaran iaitu portal, kaunter

dan aplikasi mudah alih.

Sistem ini memberi pilihan kepada pelanggan membuat pembayaran kepada kerajaan secara dalam talian dengan menggunakan mod pembayaran seperti kad debit, kad kredit, kad prabayar, perbankan internet dan juga e-dompét.

Pembangunan iPayment bermula sejak 2022 dan pelaksanaannya dibuat dalam dua fasa melibatkan fasa pertama pada Mac 2024 yang membolehkan pembayaran dibuat melalui portal dalam talian, manakala fasa kedua bermula Februari 2025 akan menambah pilihan pembayaran di kaunter fizikal dan aplikasi mudah alih.

Antara kementerian dan agensi yang telah menggunakan sistem ini termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), JANM, Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Jabatan Perhutanan Semenanjung

Malaysia dan Jabatan Perikanan.

Sementara itu, Anwar berkata, Malaysia perlu bergerak lebih pantas jika ingin terkecuali dan tidak ketinggalan dalam transformasi digital.

Beliau berkata, kemajuan negara dalam bidang tersebut dilihat agak mendatar jika dibandingkan dengan beberapa negara lain seperti Estonia, Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi.

"Apabila kita lihat, rupanya 10, 15 tahun atau 20 tahun lalu, saya ingat ketika itu sebagai Menteri Kewangan, kita jauh di atas kekuatan dengan segala kekaguman tetapi banyak masalah (berlaku) yang akhirnya (menjadikan kemajuan) kita agak mendatar."

"Jadi sebab itu, kita harus kejar dan apabila sebut mengenai reformasi institusi termasuk dalam perkhidmatan awam, haruslah ada kepantasan luar biasa," ujar beliau.

SINAR HARIAN

Tarikh:1.3.FEB.2025...

PATI sembunyi atas siling, tangki air elak dicekup

37 individu ditahan tinggal lebih masa, tiada dokumen pengenalan diri sah **SH 13/2**

Oleh **AHMAD ISMADI ISMAIL**
SERDANG

Taktik licik pendatang asing tanpa izin (PATI) bersembunyi di atas siling dan tangki air gagal mengaburi pihak berkuasa apabila mereka berjaya dikesan dalam operasi Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di Pangsapuri Timur di sini pada Selasa.


Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Zakaria Shaaban berkata, pihaknya menahan 37 PATI dalam operasi bermula jam 12.10 tengah malam itu.

"Mereka yang ditahan terdiri daripada warganegara Bangladesh, Myanmar, Indonesia dan Pakistan berusia antara 19 hingga 50 tahun," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Zakaria berkata, operasi tersebut melibatkan 58 pegawai pelbagai pangkat dari Ibu Pejabat JIM Putrajaya.

"Dalam operasi itu, seramai 82 individu pelbagai warganegara telah diperiksa dan hasilnya seramai 37 orang PATI telah ditahan atas pelbagai kesalahan imigresen," katanya.

Menurutnya, lokasi serbuan me-



Seorang PATI dikesan bersembunyi di bahagian siling pangsapuri.

rupakan sebuah pangsapuri yang didiami warga asing.

"Tindakan penguatkuasaan ini diambil susulan aduan orang awam berhubung PATI yang disyaki tinggal di unit-unit kediaman pangsapuri tersebut tanpa memiliki pas dan dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

Tambah beliau, semasa serbuan dijalankan terdapat warga asing yang enggan memberikan kerjasama sehingga memaksa pegawai operasi memecahkan pintu unit kediaman.

"Antara kesalahan yang dikenal pasti adalah tiada dokumen pengenalan diri, tinggal lebih masa dan lain-lain kesalahan yang melanggar Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan Imigresen 1963.

"Kesemua tahanan ditempatkan di Depot Imigresen Bukit Jalil untuk

Info PATI

- Warga Bangladesh, Myanmar, Indonesia dan Pakistan
- Berusia antara 19 tahun hingga 50 tahun

tujuan siasatan dan tindakan lanjut," ujarnya.

Zakaria berkata, JIM akan meneruskan tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966, Peraturan-peraturan Imigresen 1963 dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM).

"Tindakan tegas juga akan diambil terhadap mana-mana pihak yang menggaji dan melindungi PATI," katanya.

SINAR HARIAN

Tarikh:13 FEB. 2025....

Ada pemilik sewakan rumah PPR

DEWAN RAKYAT

- PBT perlu laksana bancian
- Ambil tindakan tegas terhadap penyewa 'licik'

Oleh NUR HUDA MUSA

KUALA LUMPUR - Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu melaksanakan banciaan bagi mengatasi kegiatan pemilik rumah perumahan awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang bertindak menyewakan rumah mereka kepada pihak lain bagi mendapatkan keuntungan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa berkata, banciaan secara berkala perlu dibuat untuk memastikan rumah yang disediakan oleh PBT benar-benar diberikan kepada mereka yang mahu sama ada menyewa atau memiliki.

"Jikalau kita dapati penyewa itu memberikan sewaan kepada orang lain, kita akan mengambil tindakan tegas kepada penyewa itu," katanya di Dewan Rakyat di



PBT diminta melakukan banciaan terhadap pemilik PA dan PPR bagi mengelakkan mereka menyewakan rumah. - GAMBAR HIASAN

sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (PH-Bandar Tun Razak) mengenai rumah mampu milik yang disediakan disalahgunakan bagi mendapatkan keuntungan.

Dr. Zaliha memaklumkan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) menyasarkan pembinaan 80,000 unit rumah mampu milik

dalam tempoh 10 tahun mulai 2018 hingga 2028 menerusi Program Residensi Wilayah dan Residensi MADANI.

"Sehingga 31 Januari 2025, sebanyak 72,864 unit melibatkan 101 projek perumahan mampu milik di Wilayah Persekutuan merangkumi projek yang telah siap, dalam pembinaan dan telah mendapat Perintah Pembangunan atau Development Order (DO)

telah disediakan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Ini termasuklah 5,015 unit Residensi Putrajaya terdiri daripada Residensi Madani dan Residensi Wilayah yang telah dilancarkan Perdana Menteri pada 28 Oktober 2024 di Putrajaya," katanya.

Katanya, Residensi Madani dan Residensi Wilayah ini dijangka siap dibina pada 2027 hingga 2028.

"Berdasarkan data tersebut,

suka untuk saya maklumkan bahawa kita telah berjaya mencapai 91 peratus daripada sasaran yang ditetapkan dalam menyediakan rumah mampu milik khususnya bagi warga di Wilayah Persekutuan bagi tempoh 10 tahun.

"Saya percaya baki lebih kurang 7,000 unit lagi akan dapat kita capai dalam tempoh berbaki tiga tahun lagi," katanya.

Katanya, selain itu, di bawah Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) yang telah diwartakan pada 19 Oktober 2023 dan Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (DPTKL2040), sebanyak 139 tapak dengan keluasan 1228.96 hektar (3,036.81 ekar) juga telah dikenal pasti sebagai kawasan yang berpotensi untuk pembangunan semula.

"Sehingga 31 Januari 2025, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menerima 28 permohonan daripada pihak pemaju melibatkan pembangunan semula perumahan lama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Menerusi pembangunan semula ini, kerajaan bukan sahaja menyediakan rumah gantian kepada penduduk yang terlibat, tetapi ini juga akan melibatkan tambahan kepada pembangunan rumah mampu milik sedia ada di Wilayah Persekutuan," katanya.

Kosmo! pada 5 Februari lalu melaporkan, terdapat penyewa di PPR Lembah Subang 1, Petaling Jaya, Selangor mempunyai tunggakan sewa sejak 10 tahun lalu.

KOSMO

Tarikh: 13 FEB 2025

Harga tiket bas ekspres tidak boleh naik lebih 10% surcay

Oleh MOHAMAD NAUFAL
MOHAMAD IDRIS

SHAH ALAM - Semua syarikat bas ekspres tidak dibenarkan menaikkan tambang bas secara melampau dan terlalu tinggi ketika musim perayaan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, kerajaan hanya membenarkan syarikat tersebut mengenakan surcay 10 peratus kepada penumpang ketika musim perayaan.

Katanya, kementerian melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat akan memantau dan mengambil tindakan tegas terhadap syarikat bas ekspres yang menaikkan tambang melebihi surcay dibenarkannya.

"Pada Tahun Baharu Cina, Hari Raya Aidilfitri (dan perayaan lain), kita benarkan surcay 10 peratus (dikenakan kepada pelanggan).



ANTHONY LOKE (empat dari kiri) melakukan gimik pecah tanah Exio Logistics Hub di Bandar Elmina, Shah Alam semalam.

"Perkara itu telah dilakukan berpuluh-puluh tahun lalu," katanya selepas majlis pecah tanah Exio Logistics Hub di Bandar Elmina di sini semalam.

Beliau mengulas kebimba-

ngan orang ramal mengenai kenaikan harga tiket bas ekspres pada musim perayaan Aidilfitri ini selepas mendakwa kenaikan itu berlaku pada Tahun Baharu Cina lalu.

Sementara itu, tiga syarikat baharu yang dilantik melaksanakan Perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan Motor belum diberikan lesen operasi.

Anthony Loke berkata, ketiga-

tiga syarikat berkenaan hanya diberikan kelulusan bersyarat bagi melengkapkan keperluan infrastruktur dalam tempoh dua tahun.

Katanya, ia akan diperiksa terlebih dahulu oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum lesen operasi dikeluarkan kepada mereka.

"Kita menggunakan kaedah pelesenan, jadi bukannya soal beri kontrak, tak ada pun. Kerajaan tak bayar apa-apa kepada syarikat ini untuk menubuhkan pusat pemeriksaan tersebut. Mereka salah cakap, kita hanya memberikan kelulusan bersyarat.

"Kalau mereka dapat menyediakan iaitu mesin, peralatan dan komponen yang diperlukan untuk PPKM, baru lesen operasi dapat dikeluarkan. Jadi, tidak timbul soal kontrak diberikan kepada semua syarikat ini," katanya.

KOSMO

Tarikh: 13 FEB 2025

Kosmo 13/2

'Rakyat Malaysia bakal berpuasa dalam cuaca panas, kering'

PETALING JAYA – Negara dijangka mengalami cuaca lebih panas dan kering berbanding kebiasaan berikutan kekurangan hujan dalam tempoh susulan fasa akhir Monsun Timur Laut yang dijangka berakhir pertengahan Mac ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi (MetMalaysia), Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, dalam tempoh itu, litupan awan dan taburan hujan berkurangan di kebanyakan tempat terutama di utara Semenanjung termasuk Perak selain Pahang

dan Kelantan.

"Situasi cuaca panas dan kering yang dialami ketika ini adalah fenomena berulang yang berlaku setiap tahun bermula Februari hingga Mei. Dalam tempoh ini, catatan suhu harian tertinggi boleh melebihi 35 darjah

Celsius pada awal petang.

"Bacaan suhu tertinggi dicatat di stesen-stesen Meteorologi MetMalaysia seluruh negara semalam (kelmarin) adalah 36.1 darjah Celsius, yang direkod di Felda Teloi Kanan, Baling, Kedah," katanya semalam.

Ujarnya, gelombang haba dan jerebu setempat juga berpotensi berlaku dalam tempoh berkenaan, namun diramalkan tidak seteruk 2024.

Sementara itu, rakyat Malaysia dijangka menyambut Ramadan bermula 2 Mac ini.

KOSMO

13 FEB 2025

Tarikh:

Oleh Alzahrin Alias
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menolak sebarang dakwaan salah laku atau pelanggaran peraturan dalam urusan jual beli saham Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) dan kerugian yang dialami daripada penjualan berkenaan.

Pengurus dana persaraan pekerja swasta itu dalam satu kenyataan semalam menegaskan bahawa tuduhan terbabit adalah tidak berasas.

Ia berkata, selaras dengan Polisi Chinese Wall KWSP, terdapat sempadan yang ketat antara pasukan yang mempunyai akses kepada maklumat bukan awam dan pasukan yang mengendalikan pelaburan pasaran awam bagi memastikan tiada pertindihan maklumat antara kedua-duanya.

"Pasukan pelaburan pasaran awam beroperasi secara bebas dan membuat keputusan dagangan hanya berdasarkan maklumat yang tersedia secara umum.

"KWSP mengalu-alukan sebarang semakan dan siasatan terhadap pelaburannya dalam MAHB serta ke-

URUSAN JUAL BELI SAHAM MAHB

KWSP TOLAK DAKWAAN SALAH LAKU



AM
13/2

Pasukan pelaburan pasaran awam beroperasi secara bebas dan membuat keputusan dagangan hanya berdasarkan maklumat yang tersedia secara umum"

Kenyataan KWSP

kal komited terhadap ketelusan dan kebertanggungjawaban," katanya.

Sebelum ini dilaporkan bahawa beberapa wakil badan bukan kerajaan (NGO) serta parti politik mendesak KWSP menjelaskan penjualan saham MAHB yang dimilikinya pada Januari 2023 dengan harga sekitar RM6.74 seunit se-

belum membelinya semula pada harga tawaran RM11 seunit dalam usaha menswastakan MAHB.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) tidak menolak kemungkinan akan memanggil beberapa individu penting termasuk Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berhubung dakwaan kerugian dalam urusan niaga saham MAHB oleh KWSP.

Konsortium diketuai Khazanah Nasional Bhd dan KWSP, Gateway Development Alliance Sdn Bhd (GDA) pada akhir bulan lalu berjaya memperoleh jumlah saham yang mencukupi untuk menyahsenarai MAHB dan menjadikan pengendali lapangan terbang itu sebuah syarikat persendirian, hampir lapan bulan selepas cadangan pengambilalihan itu dikemukakan.

Dengan syarat penerima-

an dipenuhi, pengemuka tawaran bersama itu membuka tawaran sehingga jam 5 petang semalam, lanjutan kali keempat sejak tarikh akhir asal pada 8 Januari lalu.

Susulan itu, Bursa Malaysia akan menggantung dagangan saham MAHB pada 20 Februari ini, sebagai persediaan untuk menyahsenarai syarikat itu daripada Pasaran Utama.

GDA adalah konsortium yang terdiri daripada Khazanah, KWSP, Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan Global Infrastructure Partners (GIP) milik BlackRock.

Konsortium itu melancarkan tawaran pengambilalihan sukarela pada harga RM11 sesaham, yang menilai pengendali lapangan terbang di Malaysia dan Turkiye itu pada RM18.4 bilion.

HARIAN METRO

Tarikh: 13 FEB 2025

Keluar Akaun 3 untuk aktiviti mewah ^{HWN 13/2}

Kuala Lumpur: "Ramai yang keluarkan (wang dari) Akaun 3 ini, bukan daripada golongan susah. Mereka keluarkan Akaun 3 untuk biaya aktiviti mewah yang sebenarnya tidak diperlukan," kata Datuk Wan Saiful Wan Jan.

Kerana itu, Wan Saiful menggesa kerajaan mempertimbangkan semula dasar pengeluaran akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara bersasar yang dimohon oleh sekelompok individu.

Wan Saiful (PN-Tasek Gelugor) berkata, ini disebabkan dasar kerajaan yang mewujudkan Akaun Fleksibel atau Akaun 3 didakwanya tidak berjaya.

"Ada dua orang saya jumpa, seorang itu ada RM1.3 juta, seorang lagi ada RM1.8 juta dalam akaun (KWSP). (Yang mempunyai) RM1.3 juta itu, kerja sebagai basuh pinggan dekat kampung dia, seorang lagi terlantar di hospital tak mampu nak bayar bil.

"Macam mana kita nak

buat ini? Sebab itu, bagi saya penyelesaian kerajaan untuk mewujudkan Akaun 3 kononnya, tidak berkesan.

"Ramai yang keluarkan bukan daripada golongan susah (seperti) ini. Tetapi, apa yang berlaku ialah mereka mengeluarkan Akaun 3 untuk membiayai aktiviti mewah," katanya.

Beliau berkata demikian semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat, semalam.

HARIAN METRO

Tarikh 18 FEB 2025

CUEPACS persoal kontrak 30,000 pekerja tiada SPM tak disambung

Kerajaan digesa lebih ihsan, ambil kira pengalaman 6 tahun dalam perkhidmatan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: CUEPACS mempersoal keputusan kerajaan tidak menyambung perkhidmatan kira-kira 30,000 kakitangan kontrak yang tidak memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Presiden CUEPACS, Datuk Dr Adnan Mat, berkata keputusan itu tidak mengambil kira pengalaman dalam perkhidmatan kontrak selama enam tahun.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan tindakan itu satu langkah tidak adil dan membebaskan mereka yang sekian lama berkhid-

mat dalam sektor awam.

Pihaknya turut menggesa perbincangan segera diadakan bagi mencari penyelesaian menang-menang serta tidak menindas kebajikan kakitangan kontrak dalam sektor awam.

"Pertama, CUEPACS mencadangkan kerajaan memberi pengiktirafan pengalaman kerja. Kerajaan hendaklah mengambil kira pengalaman enam tahun dalam perkhidmatan kontrak untuk penyambungan perkhidmatan mereka ke gred 1 SSPA (Skim Saraan Perkhidmatan Awam) seperti yang diberikan kepada jawatan tetap.

"Kedua, pengekalan jawatan kontrak SSM (Sistem Saraan Malaysia). Bagi mereka yang tidak cukup enam tahun pengalaman dan tidak memiliki SPM, lantikan kontrak mereka perlu diteruskan di bawah sistem SSM bagi memastikan mereka tidak kehilangan pekerjaan mendadak.

"CUEPACS menggesa kerajaan mengambil pendekatan lebih ihsan dan adil terhadap nasib ka-

kitangan kontrak yang lama berkhidmat dalam sektor awam. Mereka menyumbang kepada perkhidmatan awam dengan penuh dedikasi dan tidak seharusnya diperlakukan seperti pekerja sementara yang boleh diberhentikan begitu sahaja," katanya menerusi kenyataan, semalam.

6 isu kakitangan kontrak

Dalam pada itu, Adnan menyenaraikan enam isu dihadapi penjawat awam yang kontrak perkhidmatan mereka tidak disambung.

Isu pertama, katanya memba-

bitkan penamatan perkhidmatan kakitangan kontrak bergred 11 hingga 18 kerana tidak memenuhi syarat kelayakan SPM, walaupun mereka sudah lama berkhidmat dan menyumbang kepada sektor awam.

Isu kedua pula, katanya berkenaan dengan pengalaman tidak diambil kira apabila mendapati mereka yang berkhidmat selama enam tahun dalam jawatan kontrak tidak layak dipertimbangkan ke gred 1 SSPA, sedangkan bagi jawatan tetap, pengalaman ini diambil kira.

"Isu ketiga membabitkan ka-

kitangan kontrak kehilangan kerja. Kami mendapati ada kakitangan kontrak yang sudah berkhidmat bertahun-tahun, namun kini diberhentikan tanpa sebarang jaminan pekerjaan.

"Isu keempat terkait perubahan kontrak perkhidmatan. Sebahagian kakitangan sudah ditukar daripada status *Contract For Service* ke *Contract Of Service*, yang menimbulkan kekeliruan dalam aspek faedah dan perlindungan kerja.

"Isu kelima membabitkan beban emosi dan kesedihan. Hal ini kerana ramai kakitangan kontrak yang kehilangan kerja dalam keadaan mereka telah lama berkhidmat dan bergantung sepenuhnya kepada pekerjaan ini.

"Isu keenam adalah lanjut tanpa jaminan kerja. Kami dapati ada yang telah berkhidmat sebagai kakitangan kontrak selama lebih 15 tahun dan kini kehilangan kerja secara serta-merta, menjadikan mereka sukar untuk mendapatkan pekerjaan baharu," katanya.

"Tindakan itu satu langkah tidak adil dan membebaskan mereka yang sekian lama berkhidmat dalam sektor awam"

Adnan Mat,
Presiden CUEPACS



BERITA HARIAN
13 FEB 2025
Tarikh.....

Usaha banteras penipuan pinjaman kewangan perlu strategi kreatif

BH
13/2

● Banyak negara mengambil langkah proaktif dan inovatif menangani isu penipuan kewangan serta melindungi rakyat, termasuk penjawat awam daripada terjerumus ke dalam hutang melampau

● Malaysia wajar membangunkan rangka kerja komprehensif untuk melindungi penjawat awam dan rakyat daripada penipuan kewangan serta memastikan kestabilan kewangan jangka panjang

Oleh Dr Mohamed Rashid Ab Razak
bhnews@bh.com.my



Timbalan Pengarah Pusat Islamisasi (CENTRIS) merangkap Pensyarah Kanan Jabatan Undang-Undang Islam, Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Penjawat awam sekali lagi menjadi sasaran utama sindiket perunding kewangan dengan modus operendi semakin licik. Terbaharu, kes penipuan membabitkan sebuah syarikat perunding kewangan yang kini dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurusi operasi khas dikenali sebagai 'Ops Sky' itu, SPRM membongkar bagaimana ribuan penjawat awam diperdaya melalui skim pinjaman peribadi palsu dan mengeret beberapa selebriti terkemuka sebagai duta utama bagi menarik minat ramai mangsa, terutama penjawat awam membuat pinjaman itu.

Siasatan awal mendapati syarikat terbahit menawarkan bantuan kepada penjawat awam untuk mendapatkan pinjaman dengan janji menyelesaikan hutang lapuk mereka. Bagaimanapun, pinjaman itu dibuat atas dokumen dipalsukan.

Namun, dalam banyak kes, pemohon tidak menerima jumlah wang seperti dijanjikan. Lebih memburukkan keadaan, individu terjebak akhirnya terpaksa menanggung beban hutang melampau tanpa mendapat manfaat sebenar.

Penjawat awam sering menjadi sasaran utama sindiket penipuan kewangan kerana mereka dianggap sebagai golongan mempunyai pendapatan tetap.

Namun, hakikatnya, ramai penjawat awam bergelut dengan kos sara hidup tinggi, terutama di bandar besar. Keperluan membayar hutang perumahan, kereta dan belanjawan harian menyebabkan mereka mencari pinjaman tambahan, akhirnya menjadikan mereka mangsa syarikat pinjaman tidak beretika.

Sehingga kini, seramai 21 individu ditahan untuk siasatan, termasuk pegawai bank dipercayai menerima suapan bagi meluluskan pinjaman tidak sah. Lebih 70 akaun bank dengan nilai mencecah RM16.2 juta dibekukan, berserta rampasan aset mewah dipercayai hasil daripada kegiatan haram ini.

Justeru, apakah langkah berkesan mampu membendung permasalahan ini. Jika melihat di negara luar, banyak negara sudah mengambil langkah proaktif dan inovatif menangani isu penipuan kewangan serta melindungi rakyat, termasuk penjawat awam daripada terjerumus ke dalam hutang melampau.

United Kingdom (UK) melalui National Fraud Intelligence Bureau (NFIB) mengumpulkan maklumat penipuan dan memperketat undang-undang terhadap institusi kewangan yang gagal melindungi pelanggan.

Singapura Anti-Scam Command Centre membolehkan pihak berkuasa membekukan akaun dalam tempoh 24 jam selepas laporan dibuat. Aplikasi ScamShield membantu menapis mesej dan panggilan mencurigakan.

Australia mempraktikkan larangan transaksi tertentu dikenakan terhadap institusi kewangan tidak patuh peraturan kewangan, sementara *Scam Awareness Week* meningkatkan kesedaran awam. Ada negara memperkenalkan Sistem Amaran

Awal (EWS) mengesan transaksi luar biasa dan memerlukan tempoh bertenang 24 jam sebelum transaksi besar diluluskan.

Maka, menjadi satu keperluan bagi kerajaan untuk menambah baik kaedah pengisytiharan harta dan pendapatan sampingan dalam kalangan penjawat awam.

Langkah ini akan membantu meningkatkan ketelusan dan mengurangkan risiko mereka terbahit dalam pinjaman tidak sah atau terperangkap dalam skim kewangan mencurigakan.

Mekanisme pemantauan lebih ketat

Dengan sistem pemantauan lebih ketat, penjawat awam boleh dicegah daripada berdepan beban hutang tidak terkawal.

Selain itu, pegawai atasan yang cuai dalam pemantauan sehingga membuka ruang kepada pihak luar atau *scammer* menggunakan fasiliti tempat kerja bagi memasarkan produk mereka juga perlu dipertanggungjawabkan.

Ketidakekapan dalam pengawasan boleh mengakibatkan lebih ramai penjawat awam menjadi mangsa dan tindakan tegas, termasuk siasatan dalam serta penalti perlu dikenakan kepada pihak yang lalai menjalankan tanggungjawab mereka.

Antara langkah lain boleh dilakukan adalah memperketat kawal selia terhadap institusi kewangan menawarkan pinjaman kepada penjawat awam.



Dalam hal ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) perlu memainkan peranan menyediakan latihan berkaitan pengurusan kewangan dan pendidikan terhadap modus operendi penipuan kewangan semakin canggih.

Selain itu, penjawat awam dinasihatkan untuk hanya berurusan dengan institusi kewangan sah dan berdaftar bagi mendapatkan pinjaman.

Sebaiknya, kerajaan mempertimbangkan memperkenalkan mekanisme pemantauan lebih ketat bagi mengesan pinjaman mencurigakan dan mengambil tindakan awal sebelum penjawat awam menjadi mangsa.

Dalam jangka masa panjang, kerajaan perlu menggubal dasar lebih ketat bagi memastikan penjawat awam tidak terbeban hutang berlebihan.

Program pendidikan kewangan perlu diperluaskan untuk membantu mereka mengurus kewangan dengan lebih bijak dan mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan.

Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) perlu diperkasakan bagi memberikan perlindungan lebih baik kepada rakyat, termasuk penjawat awam.

Langkah seperti penyediaan saluran aduan lebih mudah diakses dan tindakan pantas mengesan aktiviti mencurigakan boleh membantu mengurangkan risiko lebih ramai menjadi mangsa penipuan.

Data terkini menunjukkan isu penipuan kewangan dan bebanan hutang di kalangan penjawat awam di Malaysia adalah serius dan memerlukan tindakan segera.

Dengan menggabungkan langkah berjaya dilaksanakan negara lain, Malaysia wajar membangunkan satu rangka kerja komprehensif untuk melindungi penjawat awam dan rakyat daripada penipuan kewangan serta memastikan kestabilan kewangan jangka panjang.

Penjawat awam yang bebas daripada bebanan hutang akan dapat memberikan perkhidmatan lebih baik kepada negara dan ini adalah matlamat perlu dicapai bersama.

7 pegawai bank dipecat bulan lalu

Institusi perbankan kesan kes berlaku pada Julai 2024

Oleh Sariha Mohd Ali
sariha@bh.com.my

Eksklusif

membuat laporan kepada SPRM yang menjalankan Ops Sky.

"Dari semasa ke semasa, kami kini maklumat dan pelaporan berterusan juga diberikan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara itu," katanya kepada BH.

SPRM dalam operasi baru-baru ini menumpaskan kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan serta pegawai bank di beberapa institusi kewangan, melalui Ops Sky.

Ops Sky yang dijalankan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram SPRM itu dilaksanakan dengan kerjasama BNM dan sekurang-kurangnya 27 individu termasuk 18 pegawai bank, lapan petugas syarikat perunding kewangan serta seorang orang awam ditahan bagi membantu siasatan.

Siasatan SPRM turut membabitkan tiga selebriti menjadi duta syarikat perunding kewangan itu iaitu penyanyi Ziana Zain, pelakon Datuk Jalaluddin Hassan dan Angkasawan Negara, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor Al Masrie Sheikh Mustapha, tetapi disahkan mereka hanya menerima bayaran atas perkhidmatan dijalankan, bukannya terlibat dalam menguruskan kegiatan dilakukan syarikat itu.

Dalam operasi itu, SPRM merampas kira-kira 4,000 dokumen dan membekukan 98 akaun bank bernilai lebih RM17 juta.

Sumber berkata, siasatan me-

SPRM kesan RM700 juta pinjaman bank diluluskan

Keratan akhbar BH 18 Januari lalu.

luas dijalankan bank berkenaan terhadap kakitangan yang disyaki terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan skim itu termasuk memanggil dan merekodkan kenyataan mereka.

Bank berusaha dapatkan bukti

Beliau berkata, pemecatan tujuh kakitangan yang disahkan terlibat dalam sindiket meluluskan pinjaman kewangan itu dibuat bahagian Sumber Manusia Kumpulan (GHR) selepas mengeluarkan surat tunjuk sebab dan menggantung tugas mereka terbahagi kepada siasatan dilakukan.

"Sepanjang siasatan dijalankan, bank berusaha mendapatkan bukti penting dan menjalankan siasatan terhadap kakitangan jualan dan cawangan, termasuk pelanggan yang akhirnya membongkar modus operandi serta skala skim berkenaan.

"Antara lain, bank mengesan transaksi berganda PF yang mencurigakan dan mengumpul data komprehensif, selain bekerjasama rapat dengan pelbagai bahagian serta jabatan dalam unit siasatan ini," katanya.

Mengulas inisiatif dilakukan susulan pembongkaran kes berkenaan, sumber berkata, pihaknya melakukan penambahbaikan proses pada semua peringkat berkuat kuasa November 2024.

Beliau berkata, selain mengeluarkan pelbagai memorandum peringatan, termasuk mempertingkat proses pinjaman susulan siasatan terperinci itu, pihaknya juga melakukan pelaksanaan ikrar kumpulan bank, mengeluarkan komunikasi dalam mengenai mesej integriti kepada semua kakitangan dan menerbitkan video mesej tegas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan mengenai kepentingan integriti.

Katanya, bank juga mengadakan jelajah ke wilayah yang menekankan aspek keroohanian dan pemeliharaan integriti dalam kalangan warga kerjanya.

Sementara itu, sumber berkata, pihaknya turut prihatin dengan peminjam yang terlibat dalam sindiket itu yang menyebabkan mereka kini terbeban dengan jumlah pinjaman besar yang perlu dilunaskan bayaran semula pada setiap bulan.

"Kita memahami peminjam dimanipulasi untuk buat pinjaman melebihi kemampuan dan kini menanggung jumlah hutang sangat besar untuk membayarnya.

"Mungkin ada cara untuk membantu mereka dalam usaha mengelak peminjam yang majoritinya kakitangan awam daripada dikenakan tindakan muflis," katanya.

BERITA HARIAN

Tarikh..... 13 FEB 2025

Rawatan percuma inisiatif PERKESO bela pencarum

64
13/2

Tan Sri Lee
Lam Thye,
Pengerusi Ikatan
Komuniti Selamat

Berita yang sangat baik diterima buat semua pencarum Pertubuhan Kebajikan Sosial (PERKESO) apabila mereka tidak perlu lagi membayar bil untuk menerima rawatan perubatan di klinik panel bermula tahun ini.

Menurut Menteri Sumber Manusia, Steven

Sim, kemudahan ini diberikan kepada pencarum yang menerima rawatan membabitkan kes kemalangan bencana pekerjaan dan penyakit khidmat yang disediakan 1,400 klinik panel PERKESO di seluruh negara.

Kredit wajar diberikan buat inisiatif ini kerana ia memperlihatkan kerajaan mengambil berat terhadap nasib pekerja dan menawarkan perlindungan keselamatan buat pekerja.

Ini bermakna, lebih banyak faedah keselamatan membabitkan pekerjaan yang dapat dinikmati oleh mereka mencarum di PERKESO.

Tingkat manfaat kepada pencarum

Rawatan percuma ini menampakkan PERKESO progresif dalam memanfaatkan pencarumnya. Selain dapat memberikan rawatan untuk meningkatkan tahap budaya keselamatan, langkah ini juga dapat menjimatkan perbelanjaan rakyat apabila rawatan diterima tidak dikenakan bayaran apabila



Inisiatif dilaksana PERKESO memberi pelbagai manfaat kepada pencarum.
(Foto hiasan NSTP)

diberikan secara percuma.

Realitinya, kemalangan ialah sesuatu yang perlu diambil langkah berjaga-jaga dan sentiasa perlu dielakkan. Namun, malang tidak berbau, justeru apabila berlaku kemalangan yang tidak dapat di-

elakkan, PERKESO bersedia untuk mengurangkan kos berkenaan dengan inisiatif diperkenalkan.

Inilah langkah yang wajar dipuji dalam usaha kita mewujudkan budaya keselamatan dalam kehidupan pekerja di negara ini.

BERITA HARIAN

Tarikh.....1.3.FEB.2025.....



MENDAPATKAN bahan rujukan Islam yang berkualiti sering menjadi cabaran bagi pelajar, pensyarah dan penyelidik, terutamanya apabila sumber tersebut jarang ditemui atau tidak mudah diakses.


Namun, dengan kemajuan teknologi terkini, termasuk kecerdasan buatan (AI), pencarian maklumat menjadi lebih mudah dan efektif. Perpustakaan Dar al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sentiasa berusaha untuk memudahkan akses pengguna. Salah satu inisiatif utama ialah pustakawan mencipta klasifikasi panggilan baharu, Sistem Klasifikasi Perpustakaan UIAM (ICSI). Sistem ini direka khas untuk memastikan koleksi Islam di perpustakaan diklasifikasi dengan lebih terperinci, memudahkan pengguna untuk mencari bahan yang diperlukan.

Melalui ICSI, bahan Islam dikategorikan dengan lebih sistematik, mengikut topik-topik seperti Quran dan sunnah, fiq, usuluddin, halal, undang-undang, perubatan dan lain-lain. Ini adalah salah satu langkah proaktif perpustakaan dalam memperkayakan pengalaman pengguna serta menyokong pengajian dan penyelidikan dalam bidang Islam.

Kelas literasi maklumat juga ditawarkan kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran pencarian bahan rujukan. Di dalam kelas literasi maklumat, salah satu perkara penting yang dikongsi ialah mengajar pengguna cara mencari bahan rujukan dengan efektif.

Kelas-kelas ini membantu pengguna memahami cara menggunakan perpustakaan dan sumber-sumber yang ada dengan lebih baik. Selain itu, perpustakaan juga mempromosikan koleksi terbaharu melalui media sosial, e-mel dan platform seperti Telegram, WhatsApp dan sebagainya. Ini akan memastikan pengguna sentiasa mendapat maklumat terkini tentang buku-buku yang tersedia di perpustakaan.

Teknologi AI memainkan peranan penting dalam membantu mencari maklumat dengan lebih cepat dan tepat. Platform AI kini mampu menapis sumber yang



PERPUSTAKAAN Dar al-Hikmah menjadi pusat rujukan yang tidak ternilai bagi komuniti akademik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan alumni.

Peranan perpustakaan tidak ketinggalan di era teknologi

banyak dan memberikan hasil pencarian yang relevan berdasarkan topik tertentu, termasuk rujukan Islamiyah.

Namun, keberkesanan AI dalam memberikan rujukan yang benar-benar sahih dan boleh dipercayai masih memerlukan pengesanan manusia, terutama dalam konteks agama dan rujukan Islam.

Sebagai contoh, seorang graduan yang sedang menyiapkan tugas mengenai undang-undang perbankan Islam boleh menggunakan aplikasi AI untuk memulakan pencarian. Graduan ini akan memasukkan kata kunci seperti 'perbankan Islam', 'undang-undang syariah', atau 'murabahah' ke dalam aplikasi tersebut.

Aplikasi AI akan mengimbas pelbagai pangkalan data dan memberikan senarai artikel, jurnal, dan buku yang relevan untuk tugas tersebut.

Sebagai hasilnya, aplikasi mungkin akan mengesyorkan artikel daripada jurnal ilmiah, buku teks terkemuka atau laporan kajian terkini yang diterbitkan sarjana dalam bidang perbankan Islam. Graduan kemudian boleh menggunakan senarai ini sebagai asas untuk kajian dan merangka struktur tugas, sambil memastikan mereka merujuk kepada sumber yang betul.

Walaupun aplikasi AI dapat membantu graduan dalam mencari bahan dengan cepat dan cekap, mereka juga harus berhati-hati untuk memastikan rujukan yang

diberikan adalah sahih dan berkredibiliti. AI mungkin mencadangkan rujukan yang belum melalui proses semakan pakar atau bahan yang kurang tepat, terutamanya dalam bidang yang sensitif seperti agama dan undang-undang Islam.

SUMBER RUJUKAN ISLAM

Di UIAM, penerbitan bahan dari pensyarah dikumpulkan di dalam IUM Repository (IRep) yang diuruskan oleh pihak perpustakaan. Penerbitan di dalam repositori ini merangkumi segala bidang akademik yang ditawarkan di UIAM. Beberapa bahan boleh dimuat turun secara percuma, tetapi ada juga bahan yang mungkin memerlukan kebenaran atau keahlian universiti untuk mengakses kandungan penuh.

Pengguna boleh mengunjungi Direktori Kakitangan UIAM untuk mencari maklumat ahli akademik dan penerbitan mereka. Dalam profil setiap ahli akademik, terdapat senarai penerbitan dan kajian yang mereka hasilkan. Pengguna boleh menggunakan maklumat ini untuk mencari bahan rujukan yang relevan, sama ada melalui IRep atau sumber lain. Perpustakaan ini memiliki koleksi manuskrip Islam yang merangkumi karya-karya tokoh terkemuka yang boleh diakses secara fizikal dan digital, membolehkan pengguna mendalami pemikiran Islam klasik dan moden.

Koleksi manuskrip ini merupakan sumber amat

berharga bagi para penyelidik yang ingin mendalami pemikiran Islam dari perspektif klasik. Ia juga membuka peluang kepada penyelidik untuk mengkaji pemikiran tokoh-tokoh Islam terdahulu dan mengaitkannya dengan konteks semasa. Dengan adanya akses kepada manuskrip yang jarang ditemui ini, Perpustakaan ini memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan ilmu Islam dan penyebarannya kepada generasi yang akan datang.

Bahan rujukan Islam yang banyak dan mudah diakses menjadi salah satu faktor utama yang menarik minat alumni UIAM untuk menjadi ahli alumni perpustakaan dengan bayaran yang ditetapkan. Keahlian ini membolehkan mereka terus menikmati khidmat perpustakaan yang berkualiti. Malah, ramai alumni yang melanjutkan pelajaran di universiti lain, baik di dalam mahupun luar negara, tetap setia menggunakan khidmat perpustakaan ini sebagai sumber utama pencarian bahan rujukan Islam.

Keistimewaan ini menjadikan Perpustakaan Dar al-Hikmah sebagai pusat rujukan yang tidak ternilai bagi komuniti akademik UIAM dan alumni.

Perpustakaan ini juga memperkenalkan kaedah peminjaman bahan yang fleksibel untuk memenuhi keperluan pelajar, pensyarah dan komuniti universiti. Kaedah ini memastikan

pengguna mempunyai akses kepada maklumat yang diperlukan untuk kajian tanpa mengira lokasi geografi bahan tersebut.

UIAM adalah salah sebuah institusi yang menawarkan pengajian dalam bidang Islam secara meluas kerana memiliki gedung ilmu yang kaya dengan sumber rujukan Islam.

Sebagai pusat ilmu Islam yang terkemuka, UIAM dan Perpustakaan Dar al-Hikmah terus memainkan peranan penting dalam menyokong kajian dan pembelajaran dalam bidang kesjaran Islam.

Dengan koleksi bahan rujukan yang komprehensif, perkhidmatan peminjaman antara perpustakaan dan akses kepada teknologi terkini, UIAM memastikan pelajar dan penyelidik mendapat sokongan penuh untuk menjalankan penyelidikan dan kajian yang berkualiti tinggi.

Keunikan koleksi manuskrip Islam dan integrasi teknologi AI menjadikan UIAM pilihan unggul untuk mereka yang ingin mendalami pengajian Islam dalam persekitaran akademik yang dinamik dan maju.

PENULIS ialah Pustakawan Kanan, Ketua Unit Islam dan Sains Kemahiran, Bahagian Sokongan Pembelajaran, Pustakawan Perhubungan untuk Kulliyah Abdul Hamid Abu Sulayman (AHAS KIRKHS) dan Institut Penyelidikan dan Latihan Halal Antarabangsa (INHART), Perpustakaan Dar al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Obesity is not always a disease

DO people with obesity have an illness? A panel of global health experts looking at this controversial question have announced that the definition of obesity should be split into two categories — and diagnosed using more accurate measurements.

The recommendations hoped to move past the blame and discrimination that often revolve around obesity, which is estimated to affect more than a billion people worldwide.

"The idea of obesity as a disease is at the centre of one of the most controversial and polarising debates in modern medicine," said a paper by the 56-expert commission in the 'Lancet Diabetes and Endocrinology' journal.

On one hand, obesity is known to lead to an increased risk of type 2 diabetes, heart disease, some cancers and other health problems. This is why the World Health Organisation, among others, consider it to be a "chronic complex disease".

On the other hand, there are also plenty of people defined as obese who have few or no underlying health problems and lead active, healthy lives. Activists campaigning against fat shaming, for example, do not want people with obesity to automatically be considered unwell.

At the same time, some patients and doctors believe obesity needs to be considered a disease so that it receives the attention — and ambitious policy — required for such a major public health issue.

Francesco Rubino, a bariatric surgeon and professor at King's College London who chaired the expert com-

mission, told a press conference that the "controversy derives from the fact that perhaps not everybody is entirely right and not everybody is entirely wrong".

INTRODUCING 'CLINICAL OBESITY'
After years of debate, the commission sought a middle road, introducing two new categories for people with obesity.

When obesity affects the functions of people's organs, it should be considered a distinct illness called "clinical obesity", the commission said.

The criteria for diagnosing clinical obesity included heart, liver or breathing problems, high cholesterol, sleep apnea, hip, knee or feet pain or other problems that affect people's daily lives.

People with obesity who do not have such problems should be considered to have "pre-clinical obesity", which merits monitoring but not medical intervention, therefore avoiding the risk of "overdiagnosis", the commission said.

To diagnose obesity in the first place, the experts also recommended

healthcare workers move beyond body mass index (BMI), which measures the ratio between weight and height, and is widely considered inadequate.

They urged other measurements, including waist circumference, waist-to-hip ratio or even bone density scans to get a more accurate diagnosis. The experts emphasised that more research was needed to find out what percentage of people fell into their two new categories.

They also made no recommendations about the new generation of weight loss drugs such as Wegovy that

have exploded in popularity since the commission was formed.

NOT EVERYONE CONVINCED

Some researchers not involved in the commission welcomed the recommendations.

Tom Sanders, professor emeritus of nutrition and dietetics at King's College London, said that an official recognition of clinical obesity "would hopefully persuade lawmakers to regard it as a disability".

"This would have implications in terms of discrimination particularly in employment as well as the social stigma associated with the condition," he added.

While the nuanced recommendations aimed for consensus, they also risked satisfying neither side of the long-running debate.


Some groups that represent patients did not want to hear that obesity is not always a disease.

Anne-Sophie Joly, founder of France's National Collective of Obese Associations, called the recommendations "counterproductive", telling AFP the experts were disconnected from the "reality on the ground" in which patients with obesity do not receive adequate care.

Sceptics that obesity is ever a disease were also not satisfied.

Sylvie Benkemoun, a psychologist who leads France's Reflection Group on Obesity and Being Overweight, told AFP the recommendations were "not enough, even if they have the merit of starting a discussion".

She expressed concern that the experts said little about the care given to patients with obesity — and that the recommendations were unlikely to change much about the attitude of caregivers.



NEW STRAITS TIMES
13 FEB 2025
Farikh: